

D538

B B164 A A B
PERTEMUAN - RAZALEIGH R'R'R'

KUALA LUMPUR, 12 DIS (BERNAMA) -- PRESIDEN SEMANGAT 46, TENGGU RAZALEIGH HAMZAH YANG MENEMUI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENCADANGKAN AGAR MEREKA MENGADAKAN LAGI PERTEMUAN BAGI Mencari +FORMULA+ MENYATUPADUKAN ORANG MELAYU SECARA LEBIH LUAS.

+DALAM KONTEKS YANG BESAR, SAYA RASA SEMUA ORANG MELAYU PERLU DIAJAK BERSAMA-SAMA. ITU YANG MENJADI HARAPAN KITA (SEMANGAT 46), + KATANYA KEPADA PEHBERITA SELEPAS MENGADAKAN PERTEMUAN KIRA-KIRA 45 MINIT DENGAN PERDANA MENTERI DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI HARI INI.

TENGGU RAZALEIGH, YANG JUGA ANGGOTA PARLIMEN GUA MUSANG, MENYIFATKAN PERTEMUAN ITU SEBAGAI +BAIK+ DAN MEMBOLEHKAN BELIAU DAN PERDANA MENTERI MENGEMUKAKAN PANDANGAN MASING-MASING MENGENAI PERPADUAN MELAYU.

KATANYA, MEREKA JUGA BERBINCANG MENGENAI MASALAH-MASALAH YANG MENGHALANG MEREKA BERSATU SEMULA DAN MELIHAT CARA MENGATASINYA.

BELIAU ENGGAN MENYATAKAN CADANGAN-CADANGAN YANG DIKEMUKAKAN KERANA MENURUTNYA, MEREKA MASIH DALAM PERBINCANGAN.

SETIAUSAHA AGUNG UMNO, DATUK MOHAMED RAHMAT DAN SETIAUSAHA AGUNG SEMANGAT 46, DATUK SUHAIMI KAMARUDDIN TURUT MENGHADIRI PERJUMPAAN ITU YANG BERMULA PADA KIRA-KIRA PUKUL 3.30 PETANG. -- LAGI
1815MST 12 12 09

D539

B B165 A A B
PERTEMUAN - RAZALEIGH 2 KUALA LUMPUR R'R'R'

TENGGU RAZALEIGH BERKATA, BELIAU AKAN MENGEMUKAKAN PANDANGAN PERDANA MENTERI KEPADA +ORANG-ORANGNYA+ DAN AKAN BERTEMU SEMULA DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR DENGAN MEMBAWA CADANGAN-CADANGAN, SEKIRANYA ADA.

BELIAU MENEGASKAN SOAL SAMA ADA BELIAU AKAN MENGANGGOTAI SEMULA UMNO TIDAK LANGSUNG DITIMBULKAN PADA PERTEMUAN HARI INI.

BELIAU BERPENDAPAT PERTEMUAN ITU BAIK KERANA SEKURANG-KURANGNYA MEREKA DAPAT BERBINCANG MENGENAI KEMUNGKINAN BUKAN SAHAJA MEMBAWA BEKAS ANGGOTA-ANGGOTA UMNO BERSATU TETAPI JUGA MEMBINCANGKAN PERPADUAN DALAM KONTEKS YANG LEBIH LUAS KERANA PAS +BERADA DI LUAR+.

KETIKA DITANYA BILA KALI TERAKHIR BELIAU BERTEMU DENGAN PERDANA HENTERI, TENGGU RAZALEIGH BERKATA, AWAL TAHUN INI PADA SATU MAJLIS PERKAHWINAN. -- LAGI
1816MST 12 12 a9

D548

B B167 A A B
PERTEMUAN - RAZALEIGH 3 KUALA LUMPUR R'R'R'

KETIKA DITANYA MENGENAI KEDUDUKAN SEMANGAT 46 DALAM ANGKATAN PERPADUAN UMMAH HASIL PERTEMUAN ITU, TENGGU RAZALEIGH BERKATA, IA TIDAK AKAN MENJEJASKAN GABUNGAN ANTARA PARTI-PARTI BERKENAAN.

+TAK ADA SEBAB MENGAPA KITA HENDAK BERCERAI...KITA WUJUDKAN ANGKATAN PERPADUAN UMMAH ITUPUN KERANA KITA HENDAK MEMUPUKKAN SEMANGAT PERSAUDARAAN DAN PERPADUAN DI KALANGAN ORANG MELAYU WALAUPUN TERDIRI DARIPADA PARTI-PARTI ISLAM YANG BERLAINAN,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, USAHA Mencari FORMULA UNTUK MENYATUPADUKAN SEMUA ORANG HELAYU PERLU DILAKUKAN DAN IA HARUS MENJADI ASAS KEPADA PERPADUAN YANG LEBIH LUAS MELIPUTI SELURUH RAKYAT.

SELAIN PERPADUAN MELAYU, TENGGU RAZALEIGH BERKATA, MEREKA BERBINCANG BEBERAPA PERKARA LAIN TERMASUK PERLETAKAN SENJATA OLEH PARTI KOMUNLS MALAYA.

SELEPAS BERCAKAP DENGAN PEMBERITA, BELIAU DAN DATUK SUHAIMAI TERUS MENINGGALKAN BANGUNAN PARLIMEN. -- BERNAMA
1833MST 12 12 89